

03 AUG 1996

TELEKOM SAMBUT BAIK PENYERTAAN PEMBEKAL DALAM MSC

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Telekom Malaysia Bhd yang dilantik sebagai pembekal tunggal prasarana telekomunikasi bagi Koridor Raya Multimedia (MSC), menyambut baik penyertaan para pembekal kandungan multimedia dalam projek berkenaan.

Ketua eksekutif Datuk Mohamed Said Mohamed Ali berkata walaupun Telekom mampu membekalkan lebuhraya maklumat kepada MSC tetapi kemampuannya untuk membekalkan kandungan MSC yang begitu besar jumlahnya adalah terhad.

"Kami tidak mampu menyediakan semua kandungannya," kata beliau pada sesi perbincangan pada hari terakhir Persidangan dan Pameran Multimedia Asia '96 di sini hari ini.

Sesi perbincangan berkenaan dipengerusikan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie.

Telekom akan melabur RM5 bilion dalam masa lapan hingga 10 tahun untuk menyediakan prasarana telekomunikasi.

Projek MCS yang dijangka menjadi kenyataan menjelang tahun 2000 akan menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan pusat pentadbiran baru, Putrajaya.

MCS yang meliputi kawasan 15km kali 50 km itu akan menggunakan kabel gentian optik.

Sambil mengulangi kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa koridor tersebut akan membuka banyak peluang kepada para pembekal perkakasan dan kandungan MSC, Mohamed Said berkata: "Ia membabitkan beribu-ribu pembekal kandungan."

"Mana-mana syarikatpun tidak boleh menguasai urusan membekalkan kandungan berkenaan pada masa depan," jelas beliau sambil menambah: "Kami (Telekom) akan menggalakkan para pembekal kandungan menyertai MSC."

Sementara itu, seorang lagi ahli panel, Dr. Sandra Gualano, presiden dan pengarah urusan Marconi SpA, pula berkata syarikatnya bercadang menubuhkan sebuah pasukan pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang khusus bagi memajukan perkakasan dan perisian sebelum menyertai MSC. -- BERNAMA

AD DIN MA